

Pertemuan, penterjemahan

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

Jambatan hubungan sastera 2 negara berjiran, Malaysia-Thailand

SEMINAR Sastera Thailand-Malaysia di Hat Yai, Thailand, baru-baru ini, menekankan kepentingan membina kembali jambatan yang menghubungkan sastera tanah air dengan negara jiran, Thailand yang dipisahkan oleh perbezaan bahasa, meskipun berkongsi sempadan.

Pertemuan lebih kerap dan penterjemahan lebih lancar dilihat sebagai jawapan ke arah memperkukuhkan hubungan sastera dua negara berjiran itu turut dibincangkan pada seminar anjuran Persatuan Penulis Thailand (WAT) dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) dengan kerjasama Pejabat Kesenian dan Kebudayaan Thailand.

Setiausaha Agung Pena, Syed Mohd Zakir Syed Othman (SM Zakir), berkata sastera mampu menyatukan dua bangsa besar di rantau Asia Tenggara kerana ia mencari dan memupuk persamaan sekiranya masing-masing berusaha untuk memahami kesusasteraan dan kebudayaan khususnya melalui pertemuan serta penterjemahan.

"Malaysia dan Thailand memiliki sasterawan dan pengarang besar yang menulis dalam bahasa ibunda masing-masing, tetapi perbezaan bahasa menghalang kita menikmatinya. Justeru, badan kerajaan dan persatuan penulis wajar mengorak langkah memastikan wujudnya penterjemahan karya besar lagi mutakhir dalam bentuk aliran dua hala,

sekali gus membuka lembaran baru dalam hubungan sastera Malaysia-Thailand," katanya pada dialog meja bulat sempena seminar terbabit.

Pada masa sama, SM Zakir berkata, pertemuan antara pengarang dua negara itu wajar diadakan dengan lebih kerap bukan saja untuk membina persefahaman antara mereka, bahkan sebagai wadah perkongsian idea, pandangan dan karya yang dihasilkan.

"Pada pertemuan itu, peserta berpeluang memahami dan mendalami sastera negara jiran yang selama ini dihalang oleh perbezaan bahasa. Pengarang muda Malaysia dan Thailand mendapat manfaat daripada pertemuan dan penterjemahan kerana paradigma penulisan mereka akan lebih terbuka dan matang," katanya pada seminar yang dirasmikan Ketua Pengarah Pejabat Pejabat Kesenian

dan Kebudayaan, Prof Dr Apinan Poshyananda dan turut dihadiri Presiden WAT, Chamaiporn Sangkrajang.

Pandangan SM Zakir diperkukuhkan oleh perspektif sejarah yang disorot Pensyarah Jabatan Bahasa Thai, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Songkhla Nakhon, Pichate Saengthong, yang melihat persamaan budaya antara masyarakat Melayu dan Thai melalui kajian terhadap karya klasik dua bangsa terbabit.

"Kajian saya membabitkan perbandingan *Hikayat Nakhon* dan *Hikayat Puteri Darah Putih* dalam sastera klasik Thai dengan *Hikayat Pattani*, *Hikayat Merong Mahawangsa* serta legenda Mahsuri yang ada dalam kesusasteraan tradisional Melayu.

"Struktur cerita antara karya klasik Thai dan Melayu ada banyak persamaan. Hikayat Nakhon umpamanya

mengangkat kisah Raja yang keluar berburu sehingga bertemu kawasan pantai dan mengambil keputusan untuk menjadikannya sebagai negara baru kerana keelokan kawasan terbabit," katanya ketika memperincikan *Persamaan Struktur Legenda Thai dan Hikayat Melayu*.

Struktur cerita *Hikayat Nakhon* itu didakwa mempunyai persamaan dengan *Hikayat Patani*, selain mirip dengan *Hikayat Puteri Darah Putih* mahupun legenda Mahsuri dan situasi ini membuktikan masyarakat Thai serta Melayu berkongsi struktur budaya, meskipun dipisahkan oleh anutan agama.

Pensyarah Universiti Walailak, Nakhonsithammarat, Abdul Razak Panaemalae, pula mentafsir kehadiran penulis Thai ke daerah komuniti Melayu di Selatan Thailand turut menyuarakan akal budi

dan pemikiran Melayu, sekali gus menjadi dinamisme sosial yang menguntungkan orang Melayu kerana memesrakan kebudayaan Melayu kepada masyarakat Thai.

"Kesan positif berlaku apabila wacana sastera Thai itu dapat menyumbang ke arah memperkukuhkan kedudukan dan kewujudan kebudayaan Melayu dalam masyarakat Thai-Buddha. Berbekal sudut pandangan jujur sasterawan, ia membantu memberi kesedaran serta kefahaman kepada masyarakat Thai berkaitan hal kebudayaan Melayu serta kedudukan orang Melayu yang sebenarnya," katanya ketika melapah *Sastera Thai Kontemporari dan Pengucaapan Budaya Melayu*.

Berdasarkan pandangan SM Zakir dan sorotan sejarah Pichate, kira-kira 100 peserta Seminar Sastera Thailand-Malaysia sudah tentu berharap

dapat memastikan keluhan Penerima Anugerah Penulisan Sea 2000, Prof Madya Dr Lim Swee Tin, terubat dengan penterjemahan karya antara dua negara.

Ini kerana Dr Lim mempersoalkan punca pertemuan peribadi dan perhimpunan pengarang antara dua negara itu berlaku sejak penghujung abad yang lalu, tetapi kumpulan puisi Malaysia belum diterjemah dan dipasarkan di Thailand dan begitu juga sebaliknya.

"Kita mempunyai cita rasa yang tidak jauh berbeza, budaya kelihatan mirip dan banyak yang serupa seperti terungkap lewat keyakinan, bahasa, kesenian, keperibadian dan barangkali pandangan dunia kita.

"Sayang sekali pada masa kita mempercayai puisi sebagai bahantara intim yang mampu mengikat hati, tetapi lalu lintas karya kurang lancar menyebabkan sastera dua negara ini terpisah," ujarnya.

“Malaysia dan Thailand memiliki sasterawan dan pengarang besar yang menulis dalam bahasa ibunda masing-masing, tetapi perbezaan bahasa menghalang kita menikmatinya”

SM Zakir
Setiausaha Agung Pena



“Wacana sastera Thailand-Malaysia dapat memperkukuhkan kewujudan kebudayaan Melayu dalam masyarakat Thai-Buddha”

Abdul Razak
Panaemalae
Pensyarah,
Universiti Walailak,
Nakhonsithammarat



Lim Swee Tin (UPM)